

ASPEK-APSEK PENTING DALAM KEMAHIRAN EMPLOYABILITY  
(EMPLOYABILITY SKILLS)

Oleh:

Yahya bin Buntat  
Prof.Madya.Dr.Muhammad Rashid bin Hj.Rajuddin  
Jabatan Pendidikan Teknikal & Vokasional  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

*DALAM* artikel keluaran bulan lepas, kita telah dapat melihat konsep-konsep dan pengertian Kemahiran Kebolehan Bekerja (Employability Skills) dari kacamata pengkaji barat. Pada keluaran kali ini pula, kita berpeluang melihat dan juga mendapat pengetahuan dari hal aspek-aspek penting yang terkandung dalam kemahiran kebolehan bekerja (Employability Skills) yang diperlukan oleh para majikan hari ini.

Para majikan industri hari ini amat mengambil berat tentang kemahiran kebolehan bekerja (Employability Skills) bagi para pekerja barunya. Hampir keseluruhan para majikan hari ini mengharapkan para pekerja barunya memiliki kemahiran kebolehan bekerja untuk bekerja di syarikatnya. Bagaimanapun kita tidak pasti apakah bentuk-bentuk kemahiran kebolehan bekerja yang diingini oleh para majikan industri hari ini untuk bakal-bakal pekerjanya?. Apakah pula bentuk-bentuk latihan yang diperlukan untuk mendapat pengetahuan dan juga kemahiran-kemahiran tersebut?; dan di manakah tempat-tempat latihan yang ada menyediakan latihan-latihan yang berkaitan dengan kemahiran kebolehan bekerja untuk para belia menerima latihan kemahiran kebolehan bekerja sebelum mereka bekerja di sesebuah syarikat industri?

Bagi menjawab ketiga-ketiga persoalan tersebut, secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa tidak ada pusat-pusat latihan yang mempunyai kandungan kurikulum kemahiran kebolehan bekerja secara khusus yang dapat dijadikan pusat latihan kemahiran bagi menyampaikan maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan kemahiran kebolehan bekerja. Bagaimanapun sekolah-sekolah dan juga institusi latihan adalah berperanan menyerapkan aspek-aspek kemahiran kebolehan bekerja ini dalam kurikulum pembelajaran yang mereka sediakan. Guru dan juga para pendidik juga berperanan menyampaikan pengetahuan kemahiran kebolehan bekerja melalui aktiviti pembelajaran yang dilakukan kepada anak didik mereka supaya mereka dapat menyelemai dan menghayati ilmu pengetahuan tersebut sebelum mereka meninggalkan alam pendidikan untuk menyertai serta memasuki dunia pekerjaan.

Para majikan hari ini juga merasa bimbang terhadap bakal-bakal pekerja yang akan mereka perolehi untuk bekerja di syarikat-syarikat mereka. Ini kerana majikan melaporkan, terdapat sebilangan besar para lulusan sekolah tinggi tidak mempunyai kemahiran yang mereka perlukan untuk memasuki pasaran kerja semasa. Berdasarkan kajian servay yang dibuat oleh “National Association of manufacturers”, keatas 4,500 pekerja industri, melaporkan bahawa terdapat perbezaan besar antara jangkakan majikan dengan kemahiran para pekerja. Mereka mendapati bahawa;

- \* Lapan puluh lapan peratus para pekerja kilang didapati kekurangan kelayakan bekerja.
- \* Lebih daripada 75 peratus pemohon pekerjaan tidak mempunyai kelayakan.
- \* Satu pertiga daripada pemohon ditolak permohonannya kerana gagal dalam ujian pembacaan dan juga kemahiran menulis.

- \* Satu perempat daripada para pemohon ditolak permohonannya kerana kekurangan kemahiran matematik.

Berdasarkan beberapa model-model dan juga konsep-konsep kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh pihak-pihak tertentu dan juga para-para pengkaji di Amerika Syarikat seperti: SCANS (Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills); DACUM (Developing A Curriculum and Occupational); "The Conference Board of Canada", Ottawa, Ontario; "Employability Skills for British Columbia Servay". Iowa Department of Education. "Assesment and Adult Basic Education": The Iowa Model 1990; dan juga Model for HRD Practice McLagan, dapatlah dirumuskan aspek-aspek kemahiran kebolehan bekerja (Employability Skills) terbahagi kepada beberapa aspek utama seperti berikut. Aspek pertama kemahiran kebolehan bekerja ini adalah berkaitan dengan aspek Kemahiran Akademik. Keduanya adalah Kemahiran Mengurus Diri, dan ketiganya adalah Kemahiran Berkumpulan.

## 1. KEMAHIRAN AKADEMIK

Para majikan hari ini mahukan para belia hari ini berkemahiran akademik sebelum mereka menerima mereka sebagai pekerja di syarikatnya. Kemahiran akademik ini merupakan kemahiran dan kebolehan seseorang dari segi kemahiran tertentu seperti:

### A Kemahiran Berhubung

#### a) Kemahiran mendengar

- Memperlihatkan kemahiran mendengar secara berkesan
- Mendengar untuk memahami dan belajar

- Mengikuti arahan yang diberikan
- Menilai percakapan perhubungan
- Mengurus idea
- Mengenalpasti sumber maklumat
- Mengenalpasti idea utama

b) Kemahiran Bertutur

- Faham dan bercakap dengan orang lain menggunakan bahasa bahasa yang sesuai
- Melibatkan diri dalam perbincangan
- Memberi penerangan yang jelas
- Memberi arahan lisan
- Berhubung dengan orang lain dengan cara yang sesuai
- Menjelaskan kesan dan akibat
- Membuat sesuatu persembahan secara individu atau secara kumpulan

c) Kemahiran Membaca

- Membaca, menilai, dan menggunakan bahan-bahan penulisan meliputi graf, carta dan gambar
- Memilih dan menggunakan punca bahan rujukan yang sesuai
- Mengenalpasti secara halus seperti siapa, apa, mengapa, di mana, bila dan bagaimana.
- Membuat ramalan tentang sesuatu maklumat
- Membezakan yang mana satu fakta dan yang mana satu maklumat

- Menjelaskan idea utama yang tersurat dan tersirat.
- Merangka kesimpulan atau penutup

## B. Kemahiran Berfikir

### a) Pemikiran Kritikal

- Berfikir secara kritikal dan bertindak secara munasabah untuk menilai sesuatu keadaan, menyelesaikan masalah dan membuat sesuatu keputusan
- Faham dan menyelesaikan masalah yang melibatkan matematik dan juga menggunakan keputusannya
- Menggunakan technology, ujiukaji, peralatan dan juga system maklumat secara berkesan
- Mencari dan menggunakan pengetahuan khusus dari pelbagai bidang
- Menggunakan teknik penyelesaian masalah
- Mengurus beban kerja yang banyak.

### b) Kemahiran Penyelesaian Masalah

- Menyelesaikan masalah yang timbul
- Mengkaji dan menilai masalah
- Menyusun keutamaan
- Membuat keputusan
- Melaksanakan pendekatan yang sesuai bagi menyelesaikan masalah
- Menilai keberkesanan pendekatan yang digunakan

### c) Kemahiran Analitik

- Membuat pemerhatian
- Merangka idea yang munasabah

- Menentukan apa yang salah atau apa yang betul, serta mencadangkan bagaimana cara ia boleh dibuat secara lebih baik,serta membuat keputusan.

d) Kemahiran Matematik

- Membaca ukuran atau peralatan mengukur
- Mengira peratus menggunakan urutan operasi
- Menyusun, menyelesaikan dan menggunakan perkadaran dan juga pecahan
- Menukar tulisan atau pernyataan sebutan ke dalam ungkapan matematik
- Membuat anggaran, melaksanakan, dan juga menyelesaikan masalah yang melibatkan pecahan, perpuluhan, peratusan dan nombor sebenar
- Menukar, membanding, mengira dengan unit pengiraan biasa

e) Kemahiran Belajar

- Belajar dari seseorang melalui sesuatu pekerjaan
- Belajar dari seseorang melalui latihan secara terus
- Belajar dari seseorang melalui pemerhatian dan diikuti dengan melakukan sendiri
- Mengenalpasti keperluan pembelajaran diri
- Bertanggungjawab terhadap pelajaran diri sendiri dengan belajar secara sendiri
- Bertanggungjawab terhadap pelajaran diri sendiri melalui pembelajaran secara berkesan
- Mendapatkan maklumat melalui pertanyaan dengan orang lain.

## 2. KEMAHIRAN MENGURUS DIRI

Merupakan kemahiran yang menyentuh aspek-aspek sikap dan perlakuan yang positif, bertanggungjawab, serta kemahiran membuat penyesuaian.

A) Sikap Dan Perlakuan Yang Positif

- Berpelakuan secara jujur, ikhlas, dan beretika
- Menerima dan belajar dari kesilapan
- Bertindak tanpa pertolongan orang lain
- Menyakinkan diri sendiri
- Bersikap positif terhadap sesuatu perubahan
- Mengetahui nilai diri sendiri

B) Bertanggungjawab

- Menentukan matlamat dan keutamaan dalam kerja dan juga penghidupan
- Merancang dan mengurus masa, kewangan dan juga sumber lain untuk mencapai sesuatu matlamat
- Bertanggungjawab ke atas sesuatu tindakan yang diambil
- Mendisplinkan diri sendiri
- Mengurus diri
- Mengurus masa

C) Penyesuaian

- Mengiktiraf dan menghormati perbezaan pendapat seseorang dan juga individu
- Menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang ada
- Menyesuaikan perbezaan peraturan
- Menjadi lebih berdaya saing
- Menjadi lebih kreatif
- Menjadi lebih fleksibel
- Berpandangan ke hadapan

- Peka terhadap isu-isu persekitaran

### 3. KEMAHIRAN BERKUMPULAN

Merupakan kemahiran yang menyentuh aspek-aspek berkaitan dengan kebolehan seseorang individu bekerja dengan individu lain. Ia meliputi kemahiran seperti:

#### A) Bekerja Dengan Orang Lain

- Memahami dan dapat menyumbang ke arah pencapaian matlamat organisasi
- Menghormati terhadap pemikiran dan pendapat orang lain dalam sesuatu kumpulan
- Bekerja dalam satu pasukan
- Membuat perundingan dengan orang lain
- Bekerja untuk mencapai matlamat secara keseluruhan dan bertanggungjawab
- Boleh bergaul dengan orang lain
- Memperlihatkan sikap hormat terhadap orang lain dan perbezaan antara mereka
- Memberi kerjasama
- Lebih bersepadu.

Semua aspek-aspek kemahiran kebolehan bekerja ini diperolehi hasil dari rumusan dan perbandingan serta ringkasan yang terdapat berdasarkan model-model dan kosep-konsept serta profile kajian yang telah dinyatakan pada perenggan terdahulu.



